



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **GANGGUAN SEKSUAL BUKAN GURAUAN KPWKM TERUSKAN ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL KE NEGERI KEDAH**

**KEDAH, 2 OKTOBER** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran anti gangguan seksual kepada masyarakat dengan mengadakan program turun padang ke seluruh negara. Kali ini Kedah menjadi negeri ke 10 Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual selepas Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu dan juga Sabah.

YB Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan perasmian Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang berlangsung di Hotel Grand Alora, Alor Setar Kedah. Program ini merupakan kesinambungan kepada Majlis Perasmian Program Advokasi Antigangguan Seksual yang telah dirasmikan oleh YAB Dato 'Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2023 yang lalu.

Gangguan seksual merupakan satu jenayah yang memberi kesan buruk kepada mangsa dan organisasi. Cabaran utama dalam menangani gangguan seksual ialah usaha memberi kefahaman kepada masyarakat serta mendidik tenaga kerja di semua peringkat kerja di organisasi tentang gangguan seksual itu sendiri. Sesetengah pelaku mungkin menganggap tindakan mereka sebagai jenaka yang tidak berbahaya atau salah faham. Natiujahnya, gangguan seksual berbentuk perkataan atau sentuhan merupakan antara perlakuan awal yang menjurus kepada berlakunya jenayah perlakuan seksual yang lebih berat. Normalisasi perlakuan ini mestinya dihentikan. Tiada ruang wajar diberikan kepada gangguan seksual, sama

ada secara terang-terangan atau jenaka. Mangsa bukan sahaja terdedah kepada gangguan mental malah kesan negatif lain termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan.

KPWKM telah mengambil langkah signifikan menerusi penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840], sebagai suatu Akta khusus untuk membendung kesalahan gangguan seksual agar tidak terus dinormalisasikan dalam kehidupan masyarakat. Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] ini telah digubal sebagai satu manifestasi penting Kerajaan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia dan wajib dihentikan.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022, dengan 23 kes daripadanya dilaporkan di negeri Kedah. Walaupun jumlah kes ini dilihat kecil tapi kesannya tidak boleh diambil mudah.

Selain itu, berdasarkan laporan UNICEF Malaysia, pada tahun 2021, sekurang-kurangnya empat peratus daripada kanak-kanak yang berumur 12 hingga 17 tahun di Malaysia yang menggunakan internet mengalami ancaman eksploitasi dan penderaan seksual yang jelas dalam talian. Ini termasuk diperas ugut untuk terlibat dalam aktiviti seksual, imej seksual mereka dikongsi tanpa kebenaran, atau dipaksa untuk melakukan aktiviti seksual melalui janji wang atau hadiah. Oleh itu, gangguan seksual boleh terjadi di mana-mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah kepada golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak.

Bagi memastikan masyarakat mendapat maklumat berkaitan anti gangguan seksual pelbagai aktiviti telah diadakan semasa program turun padang ini antaranya Taklimat Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Taklimat pengendalian kes kesalahan seksual terhadap Wanita dan kanak-kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Taklimat pengendalian kes gangguan seksual di tempat

kerja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pameran daripada agensi dan jualan produk tempatan yang diusahakan oleh kumpulan sasar KPWKM.

Turut hadir dalam program ini YB Dato' Hajah Halimaton Shaadiah Binti Saad, Exco Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga, Masyarakat Dan Perpaduan), YBrs. Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
2 OKTOBER 2023**